

02 MAR 2000

Razaleigh-Nafi

KU LI NAFI LAPORAN AKHBAR JEPUN

KOTA BAHARU, 2 Mac (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menafikan laporan sebuah akhbar berbahasa Jepun kononnya beliau akan membebaskan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim jika menjadi Perdana Menteri.

Katanya, beliau tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung perkara itu yang semata-mata bertujuan untuk melaga-lagakan dirinya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tak pernah cakap macam tu ... orang gila sahaja yang boleh buat kenyataan semacam itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di pejabat Umno di sini.

Tengku Razaleigh berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar berkenaan hari ini, kononnya beliau akan membebaskan Anwar sekiranya beliau menduduki jawatan Perdana Menteri.

"Saya tak pernah mengadakan press conference (sidang akhbar) akhir-akhir ini dan laporan itu bertujuan untuk menjadikan Dr Mahathir dan rakyat marah pada saya," katanya.

Beliau menyifatkan laporan itu berniat jahat terutama menjelangnya pemilihan Umno, Mei ini.

Beliau sendiri tidak pernah menyentuh hal yang berkaitan dengan bekas timbalan perdana menteri itu walaupun ketika berkempen sewaktu pilihan raya umum lepas.

"Saya tak tau apa sebab mereka kaitkan perkara ini kerana sepatutnya ia tiada kena mengena dengan soal pemilihan (Umno)," katanya.

Sementara itu Tengku Razaleigh berkata, hanya tiga daripada 14 bahagian Umno di Kelantan yang belum menetapkan tarikh mesyuarat perwakilan bahagian.

Menurutnya, tiga bahagian itu ialah Machang, Bachok dan Rantau Panjang.

"Mesyuarat yang paling awal akan diadakan pada 11 Mac manakala yang terakhir pada 31 Mac ini dan kesemua perasmian akan dilakukan oleh ketua bahagian masing-masing selaras arahan daripada ibu pejabat," katanya.

Tengku Razaleigh sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Pergerakan Wanita dan Pemuda Umno Negeri.

-- BERNAMA

ZI+BD